

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 58

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA DAGING HALAL (PINDAAN), 2010

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pemasukan bab 14A baru ke dalam Penggal 183.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
{Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3)}

PERINTAH AKTA DAGING HALAL (PINDAAN), 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Daging Halal (Pindaan), 2010.

Pemasukan bab 14A baru ke dalam Penggal 183.

2. Akta Daging Halal adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 14 —

"Perwakilan.

14A. (1) Majlis boleh mewakilkan kepada mana-mana orang perjalanan sebarang kuasa atau perlaksanaan sebarang kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Akta ini, kecuali bagi kuasa perwakilan yang diberikan oleh bab ini.

(2) Suatu perwakilan di bawah ceraian (1) boleh dibuat tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis dalam suratcara perwakilan.

(3) Majlis boleh terus menjalankan sebarang kuasa dan melaksanakan sebarang kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Akta ini walaupun kuasa atau kewajipan itu diwakilkan olehnya".

Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 14 haribulan Jun, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**